

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 9 November 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA SEPTEMBER 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 4.7 peratus pada September 2023

PUTRAJAYA, 9 November 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, September 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 4.7 peratus pada bulan September 2023 (32,773 tan metrik) berbanding pada bulan Ogos 2023 (31,309 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.6 peratus (September 2022: 35,460 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada September 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (85.6%) berbanding sektor estet (14.4%).

Jumlah stok getah asli pada September 2023 meningkat 7.7 peratus kepada 154,103 tan metrik berbanding 143,116 tan metrik pada Ogos 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.4 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.5%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 57,028 tan metrik pada September 2023, menurun 0.8 peratus berbanding Ogos 2023 (57,488 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 45.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada September 2023 diikuti Jerman (5.3%), Pakistan (5.3%), Portugal (2.9%) dan Türkiye (2.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.2 billion pada September 2023, menurun 3.6 peratus berbanding Ogos 2023 (RM1.3 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 2.1 peratus (September 2023: 481.08 sen sekilogram; Ogos 2023: 471.09 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 13.8 peratus (September 2023: 525.59 sen sekilogram; Ogos 2023: 462.05 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 2.1 peratus hingga 11.3 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 9.7 peratus (daripada USD 1.29/kg kepada USD1.42/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 5.8 peratus (daripada USD1.47/kg kepada USD1.55/kg).

Prestasi suku ketiga 2023 menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 19.6 peratus kepada 92,615 tan metrik berbanding 77,453 tan metrik pada suku kedua 2023. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku ketiga 2023 pula mencatatkan penyusutan 16.5 peratus berbanding suku ketiga 2022 (110,969 tan metrik).


Menurut laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada September 2023, sentimen pasaran getah disokong oleh peningkatan semula aktiviti perkilangan di China, kemungkinan gangguan getah asli di Thailand, jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan Ringgit Malaysia kekal lemah berbanding dollar Amerika Syarikat.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli September 2022 dan Ogos - September 2023
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli September 2022 dan Ogos - September 2023
 ('000 tan metrik)



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2022/2023
 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
 9 NOVEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 9th November 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
SEPTEMBER 2023

Malaysia natural rubber production
increased by 4.7 per cent in September 2023

PUTRAJAYA, 9 November 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, September 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 4.7 per cent in September 2023 (32,773 tonnes) as compared to August 2023 (31,309 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 7.6 per cent (September 2022: 35,460 tonnes). Production of NR in September 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (85.6%) as compared to estates sector (14.4%).

Total stocks of NR in September 2023 increased by 7.7 per cent to 154,103 tonnes as compared to 143,116 tonnes in August 2023. Rubber processors factory contributed 88.4 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.5%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 57,028 tonnes in September 2023, decreased 0.8 per cent as against August 2023 (57,488 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 45.7 per cent of total exports in

September 2023 followed by Germany (5.3%), Pakistan (5.3%), Portugal (2.9%) and Türkiye (2.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.2 billion in September 2023, a decrease of 3.6 per cent as compared to August 2023 (RM1.3 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 2.1 per cent (September 2023: 481.08 sen per kg; August 2023: 471.09 sen per kg) while Scrap increased by 13.8 per cent (September 2023: 525.59 sen per kg; August 2023: 462.05 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 2.1 per cent to 11.3 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 9.7 per cent (from USD1.29/kg to USD1.42/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 5.8 per cent (from USD1.47/kg to USD1.55/kg).

The performance of the third quarter of 2023 showed natural rubber production increased by 19.6 per cent to 92,615 tonnes as compared to 77,453 tonnes in the second quarter of 2023. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the third quarter of 2023 recorded a decrease of 16.5 per cent as compared to the third quarter 2022 (110,969 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in September 2023, the rubber market sentiment was lifted by a rebound in Chinese manufacturing activity, the possibility of NR supply disruption in Thailand, raising expectations that the United States of America interest rate hike and the weaker ringgit against U.S. dollar.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber September 2022 and August - September 2023 ('000 tonnes)




Chart 2: Imports and exports of natural rubber September 2022 and August - September 2023 ('000 tonnes)





Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2022/2023
(‘000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 NOVEMBER 2023